



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
Email : kkm@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 3/2013 (13 hingga 19 Januari 2013)

“Tiga (3) Lagi Korban Denggi 2013”

Pada minggu ke 3 tahun ini, iaitu bagi tempoh 13 hingga 19 Januari, sejumlah 545 kes Demam Denggi telah dilaporkan di seluruh negara. Tiga (3) negeri telah menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya, iaitu Sarawak 25 kes (60%), Kelantan 6 kes (22%) dan Perak 4 kes (10%) (**Lampiran A**). Dengan itu, jumlah kumulatif kes Denggi yang dilaporkan dalam tempoh 3 minggu tahun 2013 adalah sebanyak 1,580 kes, berbanding 1,380 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2012, iaitu peningkatan sebanyak 14 % (200 kes). Sepanjang minggu lepas tiga (3) kematian dilaporkan, iaitu satu (1) kematian dari negeri Sabah dan dua (2) dari Sarawak. Jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak lima (5) kematian, berbanding empat (4) kematian bagi tempoh yang sama tahun 2012.

Tiga kematian yang dilaporkan pada minggu ke 3 adalah terdiri daripada seorang kanak-kanak perempuan berusia 8 tahun daripada Sabah dan 2 orang dewasa berumur 32 dan 44 tahun daripada negeri Sarawak. Kesemua pesakit ini mengalami gejala demam denggi dan mendapatkan rawatan sekurang-kurangnya sekali di klinik-klinik swasta sebelum dirujuk ke hospital. Ketiga-tiga pesakit tersebut telah mengalami komplikasi *Dengue Shock Syndrome* dan meninggal dunia akibat komplikasi ini.

Jangkitan Denggi yang berlaku kepada pesakit-pesakit ini adalah berpunca dari persekitaran kediaman mereka yang mempunyai kadar pembiakan yang sangat tinggi, iaitu 6 hingga 16 kali lebih tinggi daripada kadar pembiakan *Aedes* yang sensitif (1%). Walaupun Kementerian Kesihatan seringkali menekankan kepada masyarakat kepentingan menghapuskan tempat pembiakan *Aedes*, namun ianya menjadi punca jangkitan sehingga meragut nyawa pesakit. Kementerian Kesihatan memandang serius perkara ini dan 2 kompaun telah dikenakan terhadap pemilik premis di kawasan ini.

Pada tiga minggu pertama 2013, sepuluh (10) negeri telah melaporkan wabak iaitu Negeri Selangor, Johor, WP Kuala Lumpur, Perak, Negeri Sembilan, Sarawak, Kedah, Pulau Pinang, Pahang dan Sabah. Sembilan belas (19) daerah dan 88 lokaliti wabak Denggi telah dilaporkan. Sembilan (9) negeri yang menunjukkan peningkatan nilai *Aedes Indeks* yang tinggi ialah Sarawak (4.6%), Kedah (3.4%), Perlis (2.9%), Pulau Pinang (2.8%), WP Kuala Lumpur (2.7%), Selangor (2.3%), Melaka (1.8%), Kelantan (1.8%) dan Johor (1.5%).

Kementerian Kesihatan telah menyediakan *mobile application* untuk maklumat lokaliti wabak denggi kepada rakyat. Sila layari laman web *MyHEALTH.apps* untuk maklumat lanjut dan muat turun aplikasi ini.

Jika tiada tindakan proaktif diambil oleh masyarakat dan agensi-agensi berkaitan, kes dan kejadian Demam Denggi akan terus meningkat dan berlarutan. Sehubungan itu, masyarakat dan semua pihak diseru untuk bekerjasama dan sentiasa peka terhadap kejadian kes Demam Denggi di tempat tinggal masing-masing terutama di kawasan yang telah berlaku wabak. Kementerian Kesihatan memerlukan kerjasama dan penglibatan semua pihak serta rakyat Malaysia untuk meningkatkan aktiviti pencegahan Denggi secara berterusan. Pastinya 'Malaysia boleh' banteras Denggi dengan komitmen semua pihak dan masyarakat. Luangkan 10 minit seminggu, periksa dan hapuskan tempat-tempat pembiakan Aedes di kediaman dan persekitaran anda. "Tidak Peduli ?, Maut Menanti !"

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

23 Januari 2013

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 01/2013
(13 hingga 19 Januari 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 03/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 03/2012
		Minggu 03 (13 – 19 Januari 2013)	Minggu 02 (6 – 12 Januari 2013)		
1	Perlis	2	2	7	10
2	Kedah	12	30	50	44
3	P. Pinang	18	21	52	53
4	Perak	42	38	109	106
5	Selangor	243	271 (1)	713 (1)	623 (2)
6	WPKL & Putrajaya	19	35	75	145 (1)
7	N. Sembilan	11	11	32	27 (1)
8	Melaka	10	10	27	45
9	Johor	54	59	158 (1)	108
10	Pahang	11	13	41	42
11	Terengganu	5	5	15	40
12	Kelantan	33	27	83	68
13	Sarawak	67 (2)	42	150 (2)	40
14	Sabah	18 (1)	25	68 (1)	27
15	WP Labuan	0	0	0	2
	Jumlah	545 (3)	589 (1)	1580 (5)	1380 (4)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan.